



## FIRDAUS 'DE MALAYSIAN BADANG' JAMEN KEPINGIN KE OLIMPIK

Melihat susuk tubuhnya yang sasa dengan ketinggian 184 sentimeter, beliau persis 'Hulk' ataupun Badang – orang kuat tanah Melayu. Namun melihat pada wajahnya pulak, terserlah kecomelan ala kanak-kanak Ribena malah bertambah manis tatkala senyumannya yang terukir dengan lesung pipit di pipi sebagai penyeri wajah adalah merupakan penghias ruangan "Personaliti" pada kali ini.

Memegang gelaran 'Orang Kuat Malaysia 2017' bukanlah satu perkara yang mudah. Persaingan yang dihadapi pastilah sangat tetapi berbekalkan semangat waja ingin menang dan tidak mudah mengaku kalah, pemilik nama Mohammad Firdaus bin Jamen berjaya mengharumkan nama Malaysia apabila menduduki tempat ketujuh daripada 22 negara yang menyertai Kejohanan World Natural Strongestman Competition 2017 di Hungary pada Mac 2017 lalu.

Apa yang menarik mengenai anak muda berusia 23 tahun yang berasal dari Nibong Tebal Pulau Pinang ini adalah sifat tidak mudah mengaku kalah dan sentiasa dahagakan kemenangan.

Firdaus Jamen ketika ditemui berkata, sedari kecil lagi sehingga di usia ini beliau sentiasa mempunyai sifat ingin menang dalam apa jua yang dilakukan. Berlawan kekuatan adalah antara kegemaran beliau dan dari situ beliau menilai tahap kemampuan dirinya. "Tidak dinafikan sudah banyak kali saya tertewas tetapi ketewasan itulah yang menjadi pembakar semangat saya untuk lebih gigih berusaha dan seterusnya menewaskan lawan saya itu," katanya. Mula terlibat

dalam sukan lempar cakera pada tahun 2009 hingga ke peringkat Majlis Sukan Sekolah-Sekolah Malaysia (MSSM) dan mengembangkan sayap sebagai atlet Malaysia sepenuh masa di bawah Pelapis Serantau pada tahun 2012.

Ibarat tuah ayam nampak di kaki, tuah manusia tiada siapa tahu di usia 19 tahun beliau ditawarkan untuk berkhidmat di Universiti Malaysia Perlis (UniMAP) dan menjadi wakil UniMAP dalam acara lempar cakera bagi setiap kejohanan olahraga yang disertai UniMAP.

Selepas tiga tahun di UniMAP, beliau berasakan sesuatu yang lebih mencabar perlu dilakukan dek keinginan untuk mencabar diri yang meluap-luap, beliau beralih dari sukan lempar cakera walaupun selepas tujuh tahun berkecimpung dalam sukan tersebut untuk terjun ke bidang sukan orang kuat.

Walaupun hanya setahun jagung dalam arena sukan orang kuat, beliau layak mewakili Malaysia ke Kejohanan Orang Kuat Dunia yang diadakan di Hungary pada Mac 2017 dan seterusnya layak bergelar Orang Kuat Malaysia 2017 setelah menduduki tangga ketujuh dalam kejohanan dunia itu.

Ditanya mengenai pengalaman yang tidak dapat dilupakan olehnya ketika menyertai kejohanan tersebut, sambil tersenyum lantas beliau menjawab kerana penerbangan tersebut mengambil masa selama 14jam dan beliau berasa terlalu bosan dalam penerbangan ke Zurich dari Singapura, untuk ke Hungary, beliau telah melakukan lompat bintang sambil disaksikan oleh para

penumpang dalam pesawat tersebut.

Walaupun telah kehilangan bapa di usia 11 tahun, anak bongsu dari tiga beradik ini nyata kental perwatakannya apabila saat baru mula menjadi kakitangan UniMAP, beliau diuji kerana Jabatan tempat beliau berkhidmat akan diaudit oleh Audit Negara dan dengan tiada pengalaman itu memaksa beliau untuk bermalam di pejabat demi untuk mempelajari selok belok pentadbiran di jabatannya.

Pemerhatian penulis mengiyakan bahawa tiada istilah berputus asa dalam hidupnya apabila beliau kini sedang menyambung pengajian di peringkat Ijazah Sarjana Muda Pentadbiran Awam di Universiti Utara Malaysia walaupun selepas beberapa tahun meninggalkan alam persekolahan.

Mungkin kepercayaan yang tertanam dalam diri beliau iaitu memberikan komitmen dalam setiap usaha, mendengar cakap ibu bapa, sentiasa memanjatkan doa agar diberikan kejayaan, dan tawakal kepada setiap ketentuan Allah S.W.T yang menjadikannya seorang yang berlitizam tinggi dan sanggup berusaha keras untuk mencapai apa jua yang beliau idamkan.

Malah ketika artikel ini ditulis, beliau sedang sibuk menjalani persiapan akhir untuk menyertai Kejohanan Orang Kuat Selangor 2017 yang akan berlangsung pada 30 dan 31 Disember 2017 di SACC Mall Shah Alam. Beliau bakal bersaing dalam kategori terbuka dan akan menjalani beberapa rutin iaitu:-



1. **Farmer Walk 120kg For Distance In 1 Minutes**  
Membawa beban 120kg sebelah tangan (total beban diangkat 240kg) sejauh yang boleh dalam masa 1 minit.
2. **Tire Flip 450kg 5Rep For Time**  
Terbalikkan tayar seberat 450kg sebanyak 5 ulangan dan masa terpanas akan dapat mata tertinggi.
3. **Duck Walk 140kg – 180kg For Time (10meter)**  
Bawa beban seberat 140kg, 160kg, 180kg diantara kaki sambil jalan iktik sejauh 10 meter dan masa terpanas akan dapat mata tertinggi.
4. **Log Press 110kg For Reps In 1 Minutes**  
Angkat beban kayu bulat / besi bulat sehingga tangan lurus ke atas kepala seberat 110kg dan ulangan paling banyak dalam masa 1 minit akan dapat mata tertinggi.
5. **Car Deadlift (Mystery) For Reps In 1 Minutes**  
Angkat Kereta misteri dengan ulangan sebanyak yang boleh dalam masa 1 minit dan ulangan yang paling banyak akan dapat mata tertinggi.
6. **Truck Pull 28 tonne for Time (15 metre)**  
Tarik Kontena Bomba seberat 28 tan sejauh 15 meter dan masa terpanas akan dapat mata tertinggi.

Apabila bercakap soal Kejohanan Orang Kuat, lantas beliau menzhirkan pandangan mengenai UniMAP yang disifatkan olehnya sebagai sebuah organisasi yang sentiasa memberikan sokongan kepada warganya.

Malah menurutnya, UniMAP banyak membantu dari segi kewangan setiap kali beliau menyertai semua Kejohanan Sukan Orang Kuat ini dan beliau sangat bersyukur kerana diberikan peluang untuk mengembangkan lagi bakatnya dalam bidang sukan yang diminatinya.

Dek kerana sokongan padu yang diterima dari UniMAP, beliau berharap agar satu hari nanti UniMAP akan mempunyai bidang pengajian dalam pembangunan kejuruteraan sukan bagi memastikan latihan sukan di Malaysia lebih maju seperti di Australia dan negara-negara barat yang lain.

Seiring dengan pernyataan itu, apabila beliau ditanya mengenai harapan masa depannya beliau berharap agar sukan orang kuat akan dipertandingkan di Kejohanan Olimpik. Tambahan pula informasi yang diperolehi daripada pengajian WNSF bahawa Kejohanan Olimpik 2024 di Paris berkemungkinan besar akan mempertandingkan sukan orang kuat ini dan perkara tersebut telah menerbitkan harapan buat dirinya untuk berusaha lebih keras.

"Saya berharap untuk membawa nama UniMAP, Perlis, dan Malaysia serta keluarga saya sendiri ke tahap dunia jika diberi peluang untuk menyertai sukan orang kuat di Temasya Sukan Olimpik 2024 nanti," katanya.